



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 25 BILANGAN 40

RABU 1HB OKTOBER, 1980.

رابعو 21 ذوالقعدة 1400

PERCHUMA

DYMM KORNIAKAN GELARAN CHETERIA KAPADA PENGIRAN ANAK KAMARULZAMAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan mengornikan gelaran cheteria kapada Yang Mulia Pengiran

Anak Kamarulzaman bin Yang Amat Mulia Pengiran Pekerna Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali dalam satu istiadat yang telah berlangsung di-Lapau pada hari Sabtu 27hb. September lalu.

Yang Mulia Pengiran

Anak Kamarulzaman sekarang di-kenali dengan gelaran Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera, ia-itu gelaran cheteria yang kelapan dari susunan wazir2 dan cheteria2.


Chiri gelaran di-istiadat tersebut telah di-laksanakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Abdul Hamid sementara do'a selamat telah di-bachakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Mohd Tamin.

Istiadat yang di-jalankan dengan penoh adat istiadat itu telah di-hadhiri oleh pembesar2 negara termasuk Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson.

DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khaire Waddin, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, YB Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria, YAM Pengiran2 cheteria, Pengiran2, YDM Pehin2, ketua2 jabatan, Penghulu2 dan ketua2 kampung.



YAM Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin ketika menapakkan Gangsa Sirih ka-atas bahu YAM Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman.



YAM Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman ketika ziarah ka-hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-telah chiri gelaran dan do'a selamat di-sempurnakan.

Sijil nikah

ORANG2 Islam yang telah melangsungkan akad nikah mereka ada-lah di-ingatkan dan di-maklumkan supaya akan dapat mengambil sijil nikah masing2 dengan sa-berapa segera, ini termasuk-lah mereka yang telah melangsungkan pernikahan dalam beberapa tahun kebelakangan.

Sijil2 nikah tersebut yang belum di-tuntut sa-jauh ini boleh-lah di-ambil dari Pejabat2 Kadhi di-Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Pekan Tutong dan Pekan Bangar pada waktu2 pejabat di-buka.

Ada-lah di-fahamkan sijil2 nikah boleh di-tuntut selang beberapa minggu dari tarikh pernikahan di-langsungkan.

Pengantin Diraja 4hb Oktober ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Raayat dan penduduk negeri ini sa-kali lagi akan dapat menyaksikan Istiadat Perkahwinan Diraja di-antara Puteri Bungsu kapada DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, YTM Paduka Seri

Pengiran Anak Puteri Amal Jefriah dengan YM Pengiran Anak Muhammad Bey Muntassir, anakda kapada YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kemaluddin.

Istiadat perkahwinan tersebut yang mana kedua

mempelai akan di-arak mengelilingi ibu negeri pada petang Sabtu, 4hb. Oktober ini telah di-mulakan dengan Istiadat Membuka Gendang Jaga2 di-tiga tempat — Lapau, Balai Persantapan Diraja Istana Darul Hana dan Rumah Mempelai Lelaki pada petang Khamis, 25hb. September yang baru lalu.

Terdahulu dari itu Istiadat Bersuroh Diraja telah juga di-langsungkan pada petang Selasa 24hb. September di-Istana Darul Hana.

Manakala Istiadat Menerima Tanda Diraja telah juga di-langsungkan pada malam Jumaat, 26hb. September dan Istiadat Menerima Pertunangan Diraja pada petang Sabtu berikutnya.

Lihat muka 18



MEMPELAI Diraja (atas kiri) YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Jefriah dan YM Pengiran Anak Muhammad Bey Muntassir (kanan).

AMDB dan JKR johan tarek kalat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Daerah Brunei dan Muara yang di-wakili oleh Askar Melayu Diraja Brunei dan Jabatan Kerja Raya sa-kali lagi telah munchol sa-bagai johan dalam kedua-dua bahagian dengan masing2 memungut enam mata dalam perlawanan tarek kalat perengkat akhir sa-negeri yang telah di-adakan di-Padang Besar di-sini pada petang Jumaat lepas.

Sa-banyak lapan buah pasukan yang mewakili empat daerah di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu, bahagian

A bagi berat badan di-bawah 150 paun sementara bahagian B pula ialah bagi mereka yang berat badan 150 paun ka-atas.

Tempat kedua dalam bahagian A telah di-sandang oleh wakil dari Daerah Belait ia-itu Chung Pha Hing dengan mendapat empat mata dan ketiga ia-lah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei Battalion Kedua wakil dari Daerah Tutong dengan memungut dua mata.

Sementara dalam bahagian B pula, wakil Daerah Belait ia-itu Pasokan Pulis

Lihat muka 18

Manis-nya Iman

"BERSEDERHANA-LAH kamu dan hendak-lah kamu berpendirian lurus serta kena pada tempat-nya. Dan ketahu-lah sa-sungguh-nya tiada sa-orang pun di-antara kamu yang akan terselamat dari akibat perbuatan-nya." — HADITH Nabi riwayat Muslim daripada Abu Hurairah.

LANCHANG KUNING JUARA PERLUMBAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perahu 'Lanchang Kuning' yang di-punyai oleh Haji Laidin dan anak2 buah telah munchol sa-bagai juara dalam perlumbaan perahu tahun ini yang telah di-langsungkan di-Sungai Brunei pada hari Ahad 28hb September lalu.

Kejuaraan yang di-cha-

pai bagi memeriahkan perayaan puja usia Baginda Yang Dipertuan itu, Lanchang Kuning berjaya memungut 17 mata kemenangan, antara-nya di-tempat pertama bagi 15 orang peyayuh untuk orang2 kenamaan.

Manakala 'Geruda Terbang' yang juga di-punyai oleh Haji Laidin dan

anak2 buah menduduki tempat kedua dengan memungut 11 mata, sementara tempat ketiga di-menangi oleh 'Seri Gudam' kepunyaan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan dengan memungut sembilan mata.

Bagi perlumbaan jaba-tan2 kerajaan yang ber-

Lihat muka 18



Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

 ANNUAL
HAKI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

1HB OKTOBER, 1980

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

Ka-arrah merdeka: PERSIAPAN KITA

KITA akan mencapai sa-mula taraf sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka.

Jika orang tertanya2 akan persiapan ka-arrah kemerdekaan itu maka titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan baru2 ini telah memberikan jawapan-nya, bahawa ada berjenis2 lagi rancangan yang perlu disusun dengan terator serta di-sempurnakan dengan segera.

Sungguh pun titah tersebut tidak membutuhkan jenis2 dan bentuk persiapan itu namun ia ada-lah tugas mengingatkan raayat dan penduduk — terutama pegawai2 dan kakitangan Kerajaan — supaya melipatgandakan usaha pada menjamin kemerdekaan yang akan di-chapai itu akan "kita nekmati dengan sa-penoh erti dan dalam keadaan ma'amor lagi sejahtera, berbahagia dan maju."

Tentu-nya rancangan2 persiapan itu tidak saktak berupa 'persiapan sambutan hari merdeka' dalam ma'ana menyambut dan merayakan-nya. Malah sa-rentak dan sa-hubungan dengan itu ia-lah apa yang dapat di-sebut sa-bagai persiapan 'menyikapkan diri' ia-itu untuk bersikap memikul tanggung-jawab yang lebeh berat serta penoh dengan chabaran.

Dalam kontak pegawai2 dan kakitangan Kerajaan, persiapan 'menyikapkan diri' itu antara-nya ia-lah supaya mereka akan sentiasa bekerjasama serta ingat mengingati di-antara satu sama lain dalam melaksanakan sa-suatu kerja yang di-tugaskan dan mengerjakan-nya dengan ikhlas, bertanggung-jawab serta penoh didekasi pada menyempurnakan tugas2 itu dengan tidak lengah2 lagi.

Sementara di-perengkat orang ramai pula, 'menyikapkan diri' itu yang penting-nya ia-lah menaruh keyakinan terhadap kemerdekaan yang akan di-chapai itu. Tegas-nya, ada-lah bijak dan selamat bagi semua orang mengikis sebarang rupa bentuk kewahaman terhadap kemerdekaan itu. Kenyataan2 yang terbukti sangat-lah meyakinkan bahawa Kerajaan ada-lah sentiasa memberi perhatian yang sungguh2 kepada perkara2 yang menjamin masa depan dalam ma'ana yang menyeluruh ia-itu kepentingan2 negara dan raayat.

Perhatian itu ada-lah tidak di-ragukan akan diteruskan malah akan di-luas dan di-tingkatkan sa-laras dengan matlamat2 yang mahu di-chapai menurut susunan keutamaan-nya.

Kedua2 'kesikapan' yang di-sebutkan ini sa-benar-nya saling mempengaruhi satu sama lain. Umpamanya 'kesikapan' pegawai dan kakitangan Kerajaan pada menyempurnakan tugas mereka dengan tidak berlengah2 itu akan memberi kesan terhadap memupok terus 'kesikapan' orang ramai untuk sentiasa meyakini ketepatan dasar2 Kerajaan pada menjamin masa depan mereka dalam negara yang merdeka itu nanti. Dan sa-balek-nya, keyakinan yang berterusan dari orang ramai itu pasti pula memberi kesan kepada kelancaran usaha2 Kerajaan di-mana pegawai2 dan kakitangan-nya akan berkhidmat dengan bersemangat tinggi semata2 untuk kepentingan menyempurnakan hasrat bernegara yang merdeka itu.

Kerana itu-lah, mustahak benar di-fahamkan oleh semua perengkat bahawa persiapan kemerdekaan itu ada-lah meliputi persiapan kita 'menyikapkan diri' bagi menjamin supaya kemerdekaan yang akan di-chapai itu "akan di-nekmati dengan sa-penoh erti, dan dalam keadaan ma'amor lagi sejahtera, berbahagia dan maju."

KALAU sa-waktu di-pasar ikan mithal-nya, biasa-kah awda mendengar pembeli berdialog dengan penjual seperti ini?:

"Berapa sa-kati?"

"Tiga ringgit!"

"Bukan dua ringgit sa-tengah? Kalau dua sa-tengah, bah, timbangan ku dua kati!"

Yang berharga tiga ringgit itu ia-lah ikan jenis salidai dan tamanong atau yang sa-'kelas' dengan-nya. Tentu sa-kali bukan yang sa-'kelas' dengan ikan babatek, ikan puteh. Jauh sa-kali udang. Dan ikan tamanong yang berharga tiga ringgit itu tentu-nya juga bukan dari jenis besar yang sekarang berharga sampai empat ringgit!

Sudah-lah! Yang penting bukan jenis2 dan 'kelas' ikan.

Tapi ia-lah jika ada pembeli berdialog samedemikian dengan penjual.

Dan penting-nya itu pula bukan-lah apa2 sa-lain ia chuma akhir2 ini baru di-dengar.

Ya! Chuma akhir2 ini saja sudah mula ada pembeli ikan pandai menawar.

Hairan ?

HAIRAN-KAH awda dengan kejadian itu?

Mungkin awda hairan sebab ia kelihatan-nya suatu perkembangan terbaharu sa-telah hampir semua kita terbiasa dengan kaedah 'timbang dulu tanpa menghirau harga-nya berapa.'

Lebeh hairan — dan mungkin juga terperanjat — lagi ia-lah penjual, sebab perkembangan terbaharu itu kelihatan-nya berupa perhubungan menukar kaedah 'timbang dulu' yang 'di-kanunkan' melalui persetujuan senyap 'majority' pembeli2.

Lalu, kalau awda hairan maka awda pun tertarik untuk menoleh dari mana datang-nya suara menawar itu.

Dan penjual pun demikian: dia hairan campur terperanjat, lalu memandang tepat ka-muka pembeli yang di-kira aneh itu.

Kalau-lah orang itu kebetulan orang yang sama sa-kali jauh dari dugaan awda akan pandai menawar maka lebeh tinggi-lah 'degree' kehairanan awda.

Lebeh tinggi lagi 'degree' terperanjat-nya si-penjual kalau memang-nya orang itu bukan dari kalangan orang yang sa-belum itu pandai sangat berkira tentang harga!

PADA HEMAT SAYA....

TANYA DULU: BERAPA ?

Terbaharu

SAMA ADA hairan atau terperanjat, makna-nya baik awda mau pun si-penjual itu seperti tidak bersedia menerima perkembangan terbaharu ini.

Sa-benar-nya ia bukan-lah apa2 sa-lain barangkali usaha menghidupkan kembali tradisi sa-benar berjual-beli: tawar-menawar!

Lebeh dari itu ia chuma akan mengakibatkan sedikit cherewet.

Tak apa-lah sedikit cherewet.

Menghidupkan kembali tawar-menawar yang mengakibatkan sedikit cherewet tidak-lah merugikan sangat kalau dibandingkan dengan kaedah 'timbang dulu' yang sudah terbukti menjadikan ramai orang tidak berkira sangat tentang harga wang.

Ya! tidak berkira sangat tentang harga wang, bukan saja tentang harga barang!

Bukan-kah usaha itu baik kepada semua orang: kepada awda sa-bagai pembeli, kepada penjual2 ikan, penjual2 sayor, orang2 tengah ditamu, penjual2 daging kerbau, lembu dan ayam, kepada pekedai2 besar dan kecil — sebab semua-nya itu ada-lah kita yang terlibat menggunakan wang.

Tentu-nya saja kita mahukan wang yang kita belanjakan bernilai sa-banding dengan harga apa jua barang yang kita beli!

Ramai-kah ?

SOAL-NYA: Berapa ramai-kah pembeli2 yang sudah mulai pandai menawar itu?

Nyata-nya tidak dan belum ramai, sebab itu-lah ia kelihatan-nya ganjil dan aneh. Bukan saja aneh bunyi suara menawar tapi

juga ganjil pula kelihatan orang-nya.

Makna-nya: Akan tidak aneh dan ganjil lagi kalau sudah ramai orang berbuat begitu sa-hingga awda dan penjual2 tidak perlu lagi menoleh — memandang ka-muka pembeli-pembeli yang tidak segan menawar sebab awda pun mungkin juga sudah mulai menchoba samedemikian.

Soal-nya lagi: Apa-kah hasil-nya yang di-jangka? Dapatkah harga barang yang di-tawar itu di-kurangkan?

Mungkin dapat dan mungkin juga tidak. Tapi itu-lah hasil-nya: Apabila ramai telah berbuat begitu tentu kaedah 'timbang dulu tanpa menghirau berapa harga-nya' itu akan perlahan-lahan bertukar menjadi 'berapa harga, timbang kemudian'.

Itu-lah hasil minima yang di-harapkan dalam jangka masa awal-nya.

Lanjutan daripada itu

mungkin perlahan-lahan awda dan saya, dan siapa-siapa lagi akan melihat dan sama2 menikmati manis serta lezat-nya bertawar-tawaran sa-mata2 bagi kepentingan nilai wang untuk sa-banding dengan harga barang.

Itu pada hemat saya. Tidak-lah dapat saya menghematkan apa pula kata orang2 di-pasar, di-tamu, di-gerai, di-kedai2 dan di-gedong2 membeli-belah. Yang jelas, mereka tentu juga mahukan wang yang di-dapat dari jualan tetap tinggi nilai-nya.

Chuma, ya — chuma barangkali ada di-antara-nya yang tidak berkira sangat tentang harga barang yang di-jual sa-banding dengan banyak wang yang di-terima. Maklum saja-lah dunia niaga, dunia menchari untong (dan bagi sa-bahagian-nya ia-lah juga: dunia menchari laba!) — Ketua Pegawai Penangan.



TIMBANGAN di-angkat berisi ikan: Apa kira-nya di-tawar dulu harga-nya atau sa-lepas di-timbang itu harga-nya diminta kurangkan ?

*Tentu-nya saja kita mahukan wang yang
kita belanjakan sa-banding dengan harga
apa jua barang yang kita beli....*

DERMAWAN TURUT JAYAKAN EXPO PERTANIAN 1980

EXPO PERTANIAN 1980 telah pun berlalu, dan walau pun ia telah berlalu namun ia tetap menjadi satu ristaan yang akan berpanjangan malah akan terus menjadi suatu dorongan kepada sa-tiap yang terlibat bagi menjayakan-nya.

Masa-nya memang terlalu suntok di-laksanakan, tapi apa yang penting dari kesuntukan sa-hari itu ialah Expo Pertanian 1980 telah benar2 menghasilkan suatu daya perintis kepada sa-tiap petani di-negeri ini pada melahirkan bakat dan kemampuan mereka sa-bagai petani bagi menghasilkan hasil2 pertanian yang negara kita berhasrat dan terus mempergiatkan kemajuannya.

Walaupun sumber minyak sa-bagai yang utama memberikan kekayaan kepada negara kita, namun dalam usaha membela-baikan sumber kekayaan negara kita itu, hasil bumi yang di-luaskan dari usaha2 pertanian itu memang tidak dapat di-ke-terikan dan di-biarkan sa-bagai gambaran yang utama. Dan untuk menampakkan keutamaan-nya sa-bagai gambaran itu, Expo Pertanian 1980 telah dapat membuktikan kehendak-kehendak yang di-maksudkan. Semoga-lah hasil usaha para petani

yang berlonggok-longok mengangkut tanaman mereka di-pertandingan itu akan terus di-giatkan dan pertinggikan mutu-nya sa-imbang dengan kejayaan mereka menggondol berbagai hadiah yang di-sumbangkan oleh dermawan yang terlibat dalam menilai kemurnian hasil pertanian itu sendiri.

Bagi pehak penganjur Expo Pertanian 1980 tentu tidak ketinggalan untuk menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga kepada para dermawan yang menyumbangkan hadiah-hadiah yang bermutu dalam sama2 menjayakan expo tersebut, sa-umpama mesin penchuchi kain, jentera pam ayer, basikal, talivishen dan lain2.

Untuk itu penghargaan di-tujukan antara-nya Awg. Tengah bin Hasip, Hock Hong Hing, Sharikat Darus Salam & Motor, Koh Enterprise, Overseas Agency Ltd, Borneo Company Ltd dan lain2 dermawan.

Dari Traktor Malaysia Berhad, Expo Pertanian 1980 telah menerima hadiah sumbangan berupa sa-buah peti talivishen berwarna yang telah di-menangi oleh Awang Othman bin Talip yang telah berjaya menggondol banyak hadiah2 pertama di-expo tersebut.



GAMBAR menunjukkan Awang Othman juara Expo Pertanian 1980 (kanan) menerima hadiah yang di-menangi-nya itu yang di-sampaikan oleh Ak Salleh bin Pg Kamaluddin, Pegawai Pentadbir Pertanian (kiri) dan di-perhatikan oleh Awg Asmat bin Hidup, Pengerusi Jawatankuasa Hadiah Expo (tengah). Gambar Bahagian Penerangan Pertanian, Brunei.



KELIHATAN beberapa buah kereta impot yang di-punggah di-dermaga Pelabuhan Muara yang merupakan pemakaian-nya telah meningkat dalam bulan Ogos yang lalu.

PENGANGKUTAN MENINGKAT DLM ANGKA TUNJOK BULAN OGOS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dari kenaikan harga barangan yang begitu tinggi dalam bulan Julai sa-banyak 1.7 peratus, angka tunjok barang2 pengguna bagi bulan Ogos meningkat lagi sa-banyak 1.1 peratus, ia-itu 5.2 peratus lebih tinggi dari bulan yang sama tahun lepas.

Kenaikan ini berpuncha dari kenaikan semua kumpulan2 barang kechuali kumpulan pakaian dan kasut yang masih tidak berubah. Dalam pada itu kumpulan alat2 perabot, perhiasan dan peralatan rumah-tangga serta pemasangan menurun sedikit sa-banyak 0.3 peratus.

Sementara itu angka tunjok harga2 minyak petrol, sayur-sayuran, buah-buahan, daging, ikan, minyak sapi, mentega, susu chair, susu kerim, chat

bauran (emulsion), pisau dapur, buku2 teks dan kerim muka telah meningkat dalam bulan Ogos. Bagaimana pun harga2 mesin jahit telah jauh menurun.

Dari itu angka2 tunjok bagi bulan Ogos tahun ini ada-lah seperti berikut:—

Barang2 makanan telah meningkat dari 118.7 mata pada bulan Julai kepada 120.6 pada bulan Ogos ia-itu kenaikan sa-banyak 1.6 peratus. Pengangkutan dan perhubungan meningkat sa-banyak 2.3 peratus yang bersamaan dengan 120.9 mata.

Manakala angka tunjok bagi lain2 kumpulan ia-itu sewa kasar bahan api dan tenaga, hiburan, permainan, pelajaran dan perkhidmatan kebudayaan, barang-barang dan perkhidmatan rampaian menunjukkan kenaikan sedikit saja.

KELINIK LUMAPAS MULAKAN KHIDMAT

LUMAPAS. — Dalam usaha kerajaan untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan kepada penduduk2 pendalaman di-negeri ini sa-buah lagi kelinik telah di-buka dengan rasmi-nya pada hari Sabtu 22hb. September yang lalu.

Kelinik baru yang terletak di-Kampung Lumapas di-Daerah Brunei dan Muara itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pengarah Perkhidmatan2 Perubahan dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Paduka Seri Laila Jasa Doktor P.I. Franks.

Dalam ucapan-nya, Pehin Dato Franks menjelaskan bahawa tujuan di-dirikan kelinik sa-umpama itu ada-lah sa-mata-mata pada meninggikan taraf perkhidmatan2 kesihatan penduduk2 di-kampung Lumapas, Kasat dan sekitar-nya di-samping memberikan kesenangan rawatan yang lebih teratur dan sistematik.

"Dengan terdiri-nya kelinik ini juga dapat-lah

memudahkan penduduk2 di-kawasan tersebut untuk mendapatkan perubatan dengan tidak payah pergi ka-kampung2 lain atau ka-bandar untuk mendapatkan rawatan", ujar-nya.

Pengarah Perubatan itu mengharapkan penduduk2 Lumapas dan sekitar-nya supaya akan dapat menggunakan dengan sa-baik-nya dengan menjaga segala peralatan2 yang ada di-kelinik tersebut.

Turut memberikan ucapan di-upacara itu termasuk-lah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdulah bin Haji Mohd. Jaafar dan Pemangku Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Awang Sidek bin Yahya.

Kelinik berkenaan telah di-bena oleh Jabatan Kerja Raya dengan menelan belanja hampir \$200,000.00 dalam kawasan tanah satu sa-tengah ekar dan telah diserahkan kepada Jabatan Perubatan dan Kesihatan dalam bulan Disember tahun lepas.

Kelinik tersebut mula di-gunakan pada Jun yang baru lalu dengan di-kendalikan oleh sa-orang bidan yang terlatih, dua orang jururawat, sa-orang amah dan sa-orang buroh, di-samping itu kelinik itu juga menyediakan kenderaan pengangkutan bagi pesakit2 dari Kampung Kasat.

Turut hadir di-upacara itu termasuk-lah Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Perubatan dan Kesihatan, penghulu2 dan ketua2 kampung serta lebih daripada 100 orang penduduk kampung.



ANTARA penduduk kampung yang hadir di-pembukaan kelinik tersebut termasuk-lah ibu2 yang membawa anak2 mereka.

Pameran urusan rumah-tangga PERTIWI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERTIWI Brunei akan mengadakan satu pameran urusan rumah-tangga sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada hari Ahad, 12hb. Oktober depan bertempat di-Dewan Pusat Belia di-sini.

Para peserta yang ingin

menyertai boleh-lah membuat pilihan dari berjenis-jenis acara yang akan di-pertandingkan.

Dari jenis masakan peserta2 boleh membuat masakan bentuk ayam berhias, ayam biasa, daging, ikan, jenis2 pais seperti pais udang, ikan dan daging, achar dan nasi. Jenis kueh much ia-lah seperti jenis2 bingkai, kueh talam, kek dan biskut.

Sementara hasil2 pekerjaan tangan, para peserta boleh membuat pilihan dari tudong dulang, bunga dan kedudukan-nya yang berukuran dua kaki tinggi, gubahan2 dari kain, tudong kepala buatan tangan, renda besar dan kecil, gubahan bunga meja dari kertas, gubahan bunga meja dari reben, gubahan sireh junjong (hantaran pertunangan),

gubahan bunga tangan pengantin dari bunga hidup dan gubahan bunga tangan pengantin dari kertas atau kain.

Kaum wanita yang berhasrat untuk menyertai pameran itu boleh-lah mendapatkan borang2 penyertaan atau menghubungi Setiausaha Pertandingan, Dayang Hasnah bte Hashim di-Dewan Bahasa dan Pustaka dan Datin Zaharah bte Sulong di-Taman Asohan Pertiwi, Jalan Tasek Lama bagi keterangan2 lanjut.

TUTONG MENEMPOH PERKEMBANGAN

Oleh: AISHAH PIEE

KITA sekarang maseh berada di-dalam suasana merayakan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-34 tahun. Seluruh negara mengadakan berbagai kegiatan dan pertunjukan sa-bagai perlambang tanda ta'at setia kepada Raja dan Negara. Bagi penduduk2 di-Daerah Tutong, khusus-nya Pegawai2 dan Kakitangan Kerajaan rasa kegembiraan sa-makin bertambah dengan ujud-nya sa-buah lagi bangunan baru bagi Pejabat2 Kerajaan yang merupakan nadi dan pusat berbagai pentadbiran dalam projek pembangunan kerajaan daerah tersebut. Ia-nya juga merupakan satu dari langkah Kerajaan dalam usaha memajukan dan membangunkan negara dan raayat-nya.

Munchol-nya bangunan tersebut di-daerah Tutong, memberi pengertian bahawa seperti juga daerah2 lain di-negeri ini, Daerah Tutong juga tidak ketinggalan dalam arus pembangunan, dan begitu jelas sekarang bahawa Daerah Tutong dan penduduk2-nya telah menempon perkembangan yang nyata.

Tersergam indah di-Bukit Bendera, projek pembinaan bangunan baru Pejabat2 Kerajaan Daerah Tutong bermula dalam tahun 1978, di-saat mana Daerah Tutong di-tadbirkan oleh Awang Haji Yahya bin Haji Harris, selaku Pegawai Daerah. Bangunan tersebut menelan belanja sa-banyak 2.3 juta ringgit. Ia-nya mula digunakan pada 11hb September, 1980 sementara Pembukaan Rasmi bagi bangunan tersebut telah di-sempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wad-

daulah pada 17hb September, 1980 yang lalu bertepatan dengan saat2 memulakan perayaan puja usia Baginda Yang Dipertuan yang ke-34 tahun di-daerah itu.

Bangunan baru ini juga menempatkan 15 buah Jabatan2 Kerajaan ia-itu Pejabat Daerah, Odit, Bandaran, Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Pejabat Hutan, Pertanian, Pelajaran, Ukor, Tanah, Buroh, Kastam Diraja, Kemajuan Kerjasama, Kewangan, dan Kebajikan Belia dan Sokan serta Kenaziran.

Sa-belum ujud-nya Pejabat2 Kerajaan Daerah Tutong yang baru, Pejabat Kerajaan di-daerah tersebut di-tempatkan di-satu bangunan yang sekarang ini terletak di-hadapan Jalan Inche Awang. Bangunan yang di-gunakan sejak tahun 1954 ini, maseh di-gunakan hingga sekarang ini bagi penempatan Pejabat2 yang tidak mempunyai tempat di-bangunan baru, seperti Pejabat

Mahkamah, Pejabat Pos, serta Pejabat Sukatan dan Timbangan.

Namun begitu, bangunan lama Pejabat-Pejabat Kerajaan Daerah Tutong yang kini berusia lebih kurang 25 tahun itu, maseh boleh memberikan perkhidmatan-nya kepada penduduk2 di-daerah itu bagi penempatan pejabat2 lain, seperti Pejabat Perikanan, yang di-jangka akan membuka chawangan-nya di-Daerah Tutong.

Pada tahun 1906, Daerah Tutong di-tadbirkan oleh Orang Kaya Shah Bandar Sabtu bin Tampar, yang berasal dari Sarawak. Dan mengikut penyiasatan yang di-buat melalui orang2 yang mengetahui, bangunan sementara Pejabat2 Kerajaan Daerah Tutong mula di-bena kira2 pada tahun 1910, terletak di-antara Pejabat Kerajaan dan Bilek Bachaan yang ada pada masa ini. Dalam tahun tersebut, Tutong ada-lah di-bawah pentadbiran sa-orang Pegawai Daerah



GAMBAR atas: Kebawah DYMM menyaksikan gambar2 sa-bahagian daripada kegiatan2 Pejabat2 Daerah Tutong.

yang juga berasal dari Sarawak, ia-itu Pengiran Kapitan bin Pengiran Muhammad, yang kemudian di-ganti oleh Enche Mohiddin, berasal dari Melaka pada tahun 1911 hingga 1915.

Lapan tahun kemudian, ia-itu pada tahun 1918, satu bangunan kekal telah di-bena bertempat di-belakang bangunan lama Pejabat2 Kerajaan. Dalam tahun tersebut, jawatan Pegawai Daerah di-pegang oleh Dato Shahbandar Awang Seruji bin Haji Taha, juga berasal dari Sarawak. Tetapi bangunan tersebut telah musnah sa-masa Peperangan Dunia

Kedua, yang memaksa di-lakukan pembinaan bangunan sementara pada kira2 tahun 1946.

Pada ketika itu, Daerah Tutong ada-lah di-bawah pentadbiran Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Putera Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Anak Luba yang mentadbir sa-hingga tahun 1956.

Pada akhir tahun 1949, bangunan kekal Pejabat2 Kerajaan, ia-itu bangunan lama Pejabat2 Kerajaan yang ada sekarang, mula di-bena dan di-gunakan pada tahun 1954 hinggalah ka-hari ini.

Bangunan lama Pejabat-Pejabat Kerajaan Daerah Tutong telah di-gunakan oleh beberapa orang Pegawai Daerah sa-bagai pusat pentadbiran. Pada tahun 1957 hingga 1961, jawatan Pegawai Daerah di-pegang oleh Yang Amat Mulia Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohd Salleh II, yang kemudian-nya di-ganti oleh Awang Ajmain bin Abdul Razak. Sa-lepas itu, jawatan tersebut di-pegang pula oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Anaknda Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Bendahara Anak Haji Mohd. Yassin.


Lain2 Pegawai Daerah yang menggunakan Pejabat Daerah Tutong yang lama ia-lah Awang Mohd. Ali bin Awang Besar, Hj. Abd. Ghani bin Hassan, Yang Dimuliakan Pehin Indera Sugara Dato Seri Laila Jasa Awang Haji

Johari bin Abdul Razak, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pg. Mohd. Salleh, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar, Awang Haji Yahya bin Haji Harris, Awg Puasa bin Tudin, dan Pegawai Daerah Tutong sekarang, Haji Awang Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.

Di-kawasan bangunan baru itu, satu chadangan telah di-kemukakan bagi pembinaan panchutan ayer yang akan di-bena di-bahagian hadapan bangunan. Pembinaan-nya nanti ada-lah merupakan sa-bagai satu persembahan dari penduduk2 Daerah Tutong.

Dengan terdiri-nya bangunan baru Pejabat2 Kerajaan Daerah Tutong itu, ada-lah di-harapkan ia-nya akan dapat memberikan perkhidmatan yang baik dan pentadbiran yang sehat, sa-bagaimana yang telah di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika istiadat perasmian-nya:

"Mudah-mudahan bangunan itu nanti sa-lain daripada menambah kelengkapan Pekan Tutong dan memberikan kemudahan2 yang lebih sempurna pada Pegawai2 dan Kakitangan Kerajaan Beta yang bertugas di-daerah ini, ia-nya juga akan di-gunakan dengan sa-baik2-nya demi untuk melicinkan pentadbiran di-daerah ini."



BANGUNAN baru (atas) Pejabat2 Kerajaan Daerah Tutong tersergam indah dalam bentuk yang moden yang menjadi nadi penyaloran projek2 perkembangan, pentadbiran dan pembangunan Kerajaan daerah tersebut bagi menggantikan bangunan lama (bawah).



ANTARA acara kemunchak Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan bagi Daerah Tutong ia-lah perarakan tanglong, kereta dan basikal berhias yang telah berlangsong pada malam 21hb September lepas.

Sa-banyak 17 buah pasokan tanglong berjalan kaki yang mewakili sekolah2, jabatan2 kerajaan, pertubohan2 belia dan lima buah kereta dan enam buah basikal telah mengambil bahagian dalam perarakan pada malam itu.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam bahagian tanglong, kereta dan basikal berhias telah di-sampaikan oleh (lihat gambar) Pegawai Daerah Tutong Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.



BOLASEPAK 16 TAHUN KEBAWAH

SERIA. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dari Daerah Brunei dan Muara dan Sekolah Ingeris Perdana Wazir, Kuala Belait telah munchol sa-bagai johan bersama dalam pertandingan akhir bolasepak 16 tahun ke-bawah bagi sekolah2 menengah dan maktab2 sa-negeri Brunei.

Perlawanan yang ber-

kesudahan seri 2 — 2 itu telah di-langsungkan di-Padang Maktab Anthony Abell Seria di-sini pada hari Sabtu 13hb. Septem-ber lalu.

Hadiah2 kepada pe-menang di-akhir pertan-dingan telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengetua Sekolah Ingeris Perdana Wazir, Awang Omar bin Haji Khalid.

Sementara itu, perlaw-

nan akhir bolasepak kum-polan A bagi pemain2 yang berumur 13 tahun ke-bawah sa-Negeri Brunei juga di-langsungkan pada hari itu bertempat di-Padang Sekolah Rendah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Dalam perlawanan akhir itu Sekolah Perse-diaan Ingeris Tutong telah menewaskan Maktab Melayu Paduka Seri Be-gawan Sultan/Sekolah Sains Jalan Muara dengan jaringan tiga gol berbalas dua.

Hadiah2 kepada pe-menang di-sampaikan oleh Penyelia Sekolah2 Daerah Tutong, Awang Moham-mad Taha bin Abdul Rauf.

Perlawanan bagi kedua2 bahagian itu di-anjarkan oleh bahagian Pendidikan Jasmani, Jabatan Pelajar-an sa-bagai projek tahun-an yang bertujuan untuk menarek minat penuntut2 dalam lapangan sokan ter-utama sekali penuntut2 yang berumur 13 tahun ke-bawah.



PERLAWANAN Liga Bola-sepak Bandar perengkat akhir sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berlangsung di-Padang Besar di-ibu negeri pada hari Kha-mis lepas.

Dalam perengkat akhir itu Pasokan District Wanderers dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai johan sa-telah mengalahkan Pasokan Workshop/Pegawai Luar dengan jaringan 4-3.

Hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Sepiuddin bin Pengiran Haji Sulaiman.



Perlawanan bolasepak sekolah2 menengah atas dan maktab2 bermula

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pusingan awal perlawanan bolasepak bagi Sekolah2 Menengah Atas dalam kumpulan pe-rengkat Daerah Brunei dan Muara telah di-mula-kan pada hari Isnin 22hb. September yang lalu.

Dalam perlawanan pem-bukaan pada hari itu bagi kumpulan satu Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah seri 1 — 1 dengan Sekolah Pertukangan Sul-tan Saiful Rizal, Jalan Muara bertempat di-Pa-dang Kebajikan Berakas. Sementara dalam kum-polan dua Sekolah Ingeris Berakas telah me-newaskan Maktab Per-guruan Agama Seri Be-gawan dengan jaringan enam gol tidak berbalas. Perlawanan di-jalankan di-Padang Simpang Ga-dong.

Penolong Penyusun La-tehan Jasmani, Jabatan Pelajaran, Awang Tuah bin Noordin ketika di-temui baru2 ini menjelas-kan bahawa perlawanan itu di-bahagikan kepada

dua kumpulan yang me-ngandongi sembilan buah pasokan dari sembilan buah sekolah di-daerah ini.

Kumpulan satu terdiri dari Pusat Tingkatan Enam, Askar Muda, Mak-tab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Pertukangan Sultan Saiful Rizal. Manakala kum-polan dua pula terdiri dari Sekolah Ingeris Berakas, Maktab Perguruan Agama Seri Begawan, Maktab Melayu Paduka Seri Be-gawan Sultan, Maktab Per-guruan Sultan Hassanah Bolkiah, Gadong dan Pu-sat Latihan Teknikal Brunei.

Kata-nya, perlawanan itu di-jalankan ada-lah bagi memilih wakil Da-erah Brunei dan Muara ka-perengkat sa-negeri di-mana sa-banyak empat buah pasokan akan di-pilih yang terdiri dari johan dan naib johan da-lam tiap2 kumpulan.

Perlawanan bagi se-kolah-sekolah menengah

atas dan maktab2 itu, tambah-nya ada-lah meru-pakan salah satu projek Jabatan Pelajaran melalui bahagian Pendidikan Jas-mani pada meningkatkan taraf permainan bolasepak di-negeri ini di-samping untuk menggalakkan pe-nuntut-penuntut supaya bergiat dalam bidang sokan dan olahraga.

Perlawanan perengkat sa-negeri di-jangka akan di-adakan pada hari Rabu 8hb. Oktober 1980 ini.

Sementara itu pusingan awal perlawanan bola-sepak bagi penuntut2 yang berumur 16 tahun ka-bawah sa-negeri Brunei juga di-mulakan pada hari Khamis 18hb. September yang lalu.

Sa-banyak 10 buah pa-sokan mengambil baha-gian dalam pertandingan itu termasuk empat pa-sokan dari daerah Brunei dan Muara sementara Tu-tong, Kuala Belait dan Temburong masing-masing menghantar dua pasokan.

7 sa-pasokan anjoran PERKASA

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pertandingan bolasepak tujuh orang sa-pasokan bagi pemain2 yang berumur 20 tahun ke-bawah di-sekitar Kam-pong Ayer akan di-lan-gsungkan di-Padang Besar di-ibu negeri di-sini pada hari Jumaat 3hb. Oktober ini mulai jam 7.30 pagi.

Perlawanan kali kedua yang di-anjarkan oleh Per-satuan Perkasa itu ada-lah sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun.

Setiausaha perlawanan, Awang Hussain bin Se-ruddin ketika di-temui baru2 ini menjelaskan ba-hawa sa-jumlah 33 buah pasokan akan menyertai pertandingan pada hari itu.

Jumlah tersebut, kata-nya di-bahagikan kepada dua kumpulan ia-itu bahagian A mengandongi 17 buah pasokan dan bahagian B 16 buah pa-sokan yang mana johan bagi

tiap2 bahagian akan me-masuki pertandingan akhir sementara naib johan ke-dua2 bahagian bertemu untuk merebut tempat ke-tiga.

Beliau juga mengingat-kan kepada ketua2 pasokan supaya akan memba-wa kad pengenalan pe-main-pemain di-hari per-tandingan itu di-jalankan di-mana tambah-nya sa-barang pemain2 yang tidak membawa kad pe-ngenalan tidak akan di-benarkan bermain dalam perlawan itu.

Di-samping itu tambah-nya lagi nama pemain2 yang telah di-daftarkan dalam borang2 pendaftaran tidak boleh di-ubah kepada nama2 yang lain semasa pertandingan akan di-jalankan.

Menyentuh mengenai per-tandingan akhir pula, beliau menjelaskan bahawa johan bagi tiap2 bahagian akan ber-main selama 30 minit ia-itu 15 minit tiap2 sa-paroh masa dan bagi merebut tempat ke-tiga syarat pertandingan juga ada-lah sama dengan bermain dalam masa 30 minit.

Perlawanan ini di-anjarkan ada-lah bagi merebut piala yang di-sumbangkan oleh Awang Junaidi bin Abu Bakar.

Permainan lalu-lintas Shell Belait

KUALA Belait. — Per-mainan Lalu-lintas Shell bagi sekolah2 rendah pe-rengkat Daerah Belait akan di-langsungkan ber-tempat di-hadapan Pejabat Kerja Raya, Jalan Sungai di-sini pada hari Ahad 19hb. Oktober ini mulai jam 1.30 petang.

Oleh yang demikian kepada sekolah2 yang ingin mengambil bahagian dalam pertandingan itu supaya akan dapat berhu-bong bagi mendapat ke-terangan lanjut dari Awang Mohammad Sha-riff bin Haji Naweh, di-Pusat Penerangan, Shari-kat minyak Shell Brunei Berhad di-Seria.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-hantar kepada nama ber-kenaan tidak lewat dari hari Selasa 7hb. Oktober, 1980 jam 3.00 petang. Pen-yertaan tersebut hendak-lah di-sertakan dengan nama2 para peserta yang akan mengambil bahagian dalam pertandingan ter-sebut.

Sa-orang juruchapak pertandingan itu memberi-tahu kepada Pelita Brunei minggu ini bahawa per-tandingan itu hanya bagi murid2 sekolah rendah yang berumur 13 tahun ka-bawah pada 1hb Januari 1980.

Juruchapak itu me-nambah kata tujuan di-adakan perlawanan terse-but ada-lah semata-mata untuk memilih wakil Da-erah Belait ka-pertandingan perengkat sa-negeri yang di-jangka akan di-adakan pada 7hb. Disember tahun ini di-Daerah Tutong.

Kata-nya sa-banyak dua buah pasokan yang ter-baik ia-itu johan dan naib johan akan di-hantar untuk mewakili Daerah Belait.



PERLAWANAN akhir tarek-kalat seluruh negeri sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan telah di-langsungkan di-Padang Besar pada hari Jumaat lepas. Kelihatan dalam gambar salah satu acara yang di-pertandingan di-hari tersebut.



PEGAWAI Daerah Brunei Muara, Dato Paduka Haji Abdullah (tengah) dan Timbalan Pengarah Kerja Raya Pengiran Ismail (kiri) ada-lah di-antara yang turut menyaksikan perlawanan petang tersebut.

TAREK KALAT SA-NEGERI MERIAHKAN PERAYAAN

SA-BANYAK lapan buah pasokan yang mewakili Daerah2 Brunei Muara, Temburong, Belait dan Tutong telah mengambil bahagian dalam peraduan tarek kalat yang di-bahagikan kepada dua kumpulan berat badan ia-itu di-bawah 150 paun dan lebih 150 paun.

Berlangsang di-Padang Besar ibu negeri pada petang Jumaat yang baru lalu, lebih satu ribu orang telah menyaksikan perlawanan yang di-ganggu oleh chuacha hujan dan

angin kencang pada petang itu, bagaimana pun dalam keadaan basah kuyup itu, semangat sukan dan taat setia bagi memeriahkan perayaan Baginda Yang Dipertuan perlawanan tersebut diteruskan hingga selesai.

Dalam keadaan padang yang di-genangi ayer dan tubuh kesejukan dek di-basahi hujan beberapa pasokan telah berjaya menewaskan lawan masing2 dalam mana kumpulan berat badan di-bawah 150

paun perlawanan itu telah di-menangi oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Brunei Muara, tempat kedua pasokan Chung Pha Hing, Belait dan ketiga pasokan AMDB Batalion Kedua, Tutong.

Kumpulan peserta berat badan lebih 150 paun pula, AMDB Batalion Pertama telah munchol sebagai juara, tempat kedua di-sandang oleh pasokan Pulis Diraja Brunei, Belait dan ketiga pasokan AMDB Batalion Kedua, Tutong.



KETUA pasokan Jabatan Kerja Raya Awang Abdul Samad bin Haji Abbas menerima hadiah kemenangan bagi pasokan mereka dalam bahagian berat badan di-bawah 150 paun.

GAMBAR atas pasokan dari Daerah Brunei Muara yang di-wakili oleh Jabatan Kerja Raya dan Askar Melayu Diraja Brunei yang telah munchol sa-bagai juara di-kedua-dua bahagian. Gambar sebelah kanan antara ribuan penonton yang menyaksikan perlawanan yang berlangsung petang tersebut, manakala gambar bawah, pasokan AMDB juara kumpulan berat badan lebih 150 paun berhati-hati mempertahankan kedudukan mereka di-perlawanan itu.



PASOKAN Ahli Jawatankuasa Tarek Kalat Daerah Tutong yang menduduki tempat ketiga bagi perlawanan ahli2 jawatankuasa.



Pameran seni lukis sambutan perayaan puja usia DYMM di-Belaait

PAMERAN Seni Lukis dan Kerjatangan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-34 telah berlangsung di-Daerah Belait, baru2 ini.

570 buah lukisan, batek serta kerjatangan karya para pelukis di-daerah itu telah berjaya menarik perhatian ratusan penduduk di-kawasan itu yang datang sa-lama dua hari pameran tersebut di-buka.

Pameran yang bermula pada pagi Rabu lepas itu di-adakan di-Dewan Sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait.

Awang Mohammad Hassan Mohammad Yusof, Setiausaha Pameran dan Peraduan menjelaskan yang mereka telah menerima sambutan menggalakkan daripada para pelukis sa-tempat bagi menjayakan pameran tersebut.

Hadiah2 yang berupa wang tunai telah disampaikan oleh Yang Berhormat Malai Haji Mashor bin Malai Haji Damit pada pagi permulaan pameran itu di-buka.

Mereka yang mendapat tempat pertama di-dalam beberapa bahagian pertandingan itu termasuklah Mohammad Azmi

Bujang, (benda kaku) Liew Nyuk Li, (gubahan fikiran) dan Dona Eldeyana (kerjatangan). Kesemua mereka ada-lah di-dalam bahagian Pra sekolah.

Sekolah Rendah dan SPI — Azwanah Ramli, (benda kaku), Chung Su Mei, (gubahan fikiran), Jais Inggin, (potrait), Wong Cheng Sang (moden art) dan Nordin Ahmad (kerjatangan).

Sekolah Menengah Bawah — Saloma Mahari,

(alam benda), Manggaau Jelawing (nature), Jali Jaafar (potrait), Shim Chong Chong (gubahan fikiran), Abd Halim Othman (sculpture), Mohd Do! Omar (batik), Juni Jinggan (lino printing), Abd Halim Othman (chat saringan), Juni Jinggan (chap batek), dan Samsudin Omar (abstract).

Idris Ismail (potrait), Mohd Ali Hj Ali Ibrahim (pemandangan), Abd Samad Jaafar (alam benda), Tan Swee Hwa (alam semula jadi), Ayob Zinab (lukisan batik), Geogiana Kendriks (archa), Omar Ariffin (abstract), Yahya Mat Yassin (copper tooling) dan Abu Alwi (tulisan jawi).

GAMBAR2 ini memperlihatkan sekitar hasil2 seni lukis dan pertukangan tangan yang telah di-pamerkan di-dewan Sekolah Inggeris Perdana Wazir sa-lama dua hari ia-itu pada 24hb dan 25 September lalu.

Gambar2 yang di-pamerkan ini mengandungi gubahan fikiran, modern art, potrait, batek, lino printing, abstract, copper tooling, archa, alam benda dan semula jadi serta berbagai-bagai jenis lagi hasil kerja tangan.





BAHAGIAN Melayu Radio Brunei, telah membuat liputan siaran langsung ketiga2 penerbangan jemaah2 haji Brunei yang berlepas meninggalkan Brunei menuju ka-Jeddah pada 17hb, 20hb dan 23hb September 1980.

Siaran langsung ini bertujuan supaya orang ramai mengetahui dengan jelas saat2 pemergian jemaah2 haji itu dengan tidak payah lagi beresak2 menunggu di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Dan Bahagian Melayu Radio Brunei akan berchadag lagi untuk memberikan ulasan yang sama setiba-nya jemaah2 haji itu kembali ka-tanah ayer pada 30hb Oktober, 2hb dan 5hb November akan datang.

Kelihatan dalam gambar, sa-orang jemaah haji (Awang Haji Sabtu bin Muhamad) sedang di-temuramah oleh wakil Bahagian Melayu, Ak. Sulaiman Pg Haji Tuah sa-waktu meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa baru2 ini.

SIARAN LANGSUNG

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei, akan membuat liputan siaran langsung Istiadat Perkahwinan Diraja,

di-antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pg Anak Puteri Jefriah, adina bungsu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan Yang Mulia Pg Anak Muhammad Bey Muntassir bin Pg Indera Mahkota Pg Muda Haji Kamalud-

din yang akan berlangsung pada hari Sabtu, 4hb Oktober 1980.

Siaran langsung ini akan di-siarkan tiga buah tempat, di-Istana Darul Hana, di-rumah pengantin lelaki di-Jalan Ong Sum Ping dan di-kawasan Bandar Seri Begawan.

Laporan Perkahwinan Diraja ini akan ka-udara jam 2.30 petang sa-hingga perarakan selesai.



BATTLE OF WORDS

In this Sunday's programme, 5th October at the usual time of 11.00 o'clock in the morning the battle is between Berakas English School, Jalan Muara and St George's School, Bandar Seri Begawan. The programme will be repeated at 8.00 the same evening.



DOES the adjudicator always know the answers? John North (left) hesitates before giving his verdict. Up to now he has performed with the wisdom of Solomon. Mustapha Shawal, the chairman, has gained confidence and goes from strength to strength.

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, sentiasa mengambil berat terhadap rakyat dan penduduk negeri ini. Baru2 ini, sa-buah klinik baru, yang baru saja di-rasmikan pembukaannya di-Kampung Lumapas Daerah Brunei-Muara.

Kelihatan dalam gambar atas, Dayang Zainab Haji Md Taha, sempat menemuramah sa-orang ibu yang membawa anak-nya bersempena dengan perasmian klinik tersebut.

Temuramah Dayang Zainab akan di-siarkan dalam rancangan Dunia Wanita akan datang yang di-terbitkan oleh Dayang Salmah Abd Rahman.



DAVID McCallum sa-bagai Steel dan Joanna Lumley sa-bagai Sapphire dalam "SAPPHIRE AND STEEL" pada hari Selasa jam 6.30 petang.



DIANA Ho (with the smile) chairs the lower secondary section. John North thinks quizzically. Veronica Shim is the time keeper and Tajul Ahmad, the producer, watches anxiously.

MENJA

1. Pemohon2 ada-lah d...
2. Pemohon yang berj...
3. Pemohon2 di-kehenda...
4. Hendak-lah mengisika...
5. Borang2 yang telah...

Penerbit
Bahagian
Radio
Bandar
Brunei

BORANG PENYUJUAN

Kapada:
Penerbit Kap Kap Udam,
Bahagian Tahlivishen Pendidekan,
Radio Tahlivishen Brunei,
Brunei.

Saya ingin memohon u...

nai diri saya ada-lah aperti...

NAMA PENOH:

ALAMAT TETAP:

ALAMAT PERSURATAN:

TALIPON:

UMOR:

WARGANEGARA:

KELULUSAN:

PENGALAMAN:

LAIN2 KEBOLEHAN:

Saya mengaku butir2 d...

gil bagi temu duga dan uj...

Saya sertakan juga ga...

Tarikh:

Sekolah Ugama Yang Di-kehendaki: (sambongan)

SIKAP BERMURAH HATI

Siri ke-47

AL-AZHAR (di-Mesir) ia-lah tempat pelajaran ilmu Islam yang sudah berusia lebih dari sa-ribu tahun. Ada banyak wakaf umat Islam kepada Al-Azhar itu, ia-itu kepada ulama2-nya dan kepada murid2 dan penuntut2-nya. Wakaf tersebut berjalan sampai sekarang.

Pada masa2 yang lampau, murid2 Al-Azhar itu mendapat bekalan roti dari wakaf2 khas yang di-untukkan bagi mereka sa-tiap hari. Kemudian roti itu di gantikan dengan pemberi-an wang tunai sa-banyak \$7 atau \$8 kadar-nya sa-bulan ia-itu bagi ke-mudahan murid2 itu belajar. Di-samping itu ada juga wakaf kitab bagi di-pinjamkan kepada mereka. Saperti juga ada-nya ruak2 tempat tinggal dan asrama2. Jadi murid2 dan ibu-bapa mereka tidak-lah susah memikir-kan hal makan minum sa-hari2 masa belajar kerana kadar \$7 atau \$8 sa-bulan pada masa itu sangat tinggi kadar nilai-nya. Tambahan pula mereka tidak pula di-susahkan dengan yuran2

Hal yang sa-demikian tidak berlaku di-sa-tengah2 negeri, di-mana sa-tengah2 sekolah menjadikan ibu-bapa ribut dengan soal yuran, bayaran pakaian sa-ragam dan berbagai-bagai buku serta kitab. Banyak yang tidak dapat meneruskan pelajaran di-sebabkan hal2 saperti itu sedangkan ada ibu-bapa menanggung bilangan anak yang ramai dengan keadaan miskin dan papa atau dengan keadaan chukup2 makan pagi dan petang sahaja.

DI-JOHOR

Masa saya belajar di-Johor Baharu tahun 1923 di-Madrasah Al-'Attas, Al-Marhum Sayid Hassan bin Ahmad Al-'Attas, tuan punya wakaf2 dan Madrasah2 di-Johor Baharu dan di-Bandar Pekan, Pahang ada menye-diakan pelajaran per-chuma. Tiada yuran2 dan tiada bayaran2 sekolah. Beliau juga menyediakan tempat2 tinggal dan lain2 kemudahan dengan per-chuma. Sa-bahagian dari-



Ini merupakan gambaran yang jelas kepada kita betapa Kerajaan Kebawah DYMM Sentiasa meluaskan pelajaran perchuma kepada jenerasi muda di-negeri ini, bukan saja dalam Sekim Permakanan Sekolah2 malah menyediakan perkakas2 pertukangan bagi penuntut2 menimba kemahiran dan kepandaian untuk persediaan hidup mereka di-masa depan.

pada murid2 sekolah2 itu di-beri makan minum perchuma. Dan pada sa-tiap hari Khamis semua penuntut2 di-jamu dengan jamuan nasi. Ini semua-nya menggemarkan orang2 belajar di-sekolah2 itu. Perlu juga di-sebutkan bahawa beliau itu ada mewakafkan sa-buah asrama bagi penuntut2 Melayu dan Hadhra Maut di-Kaherah, Mesir.

Ini ia-lah contoh sikap murah hati yang di-gemarkan dan di-suroh oleh ugama Islam dari negeri2 Islam.

DI-BRUNEI

Dalam Negeri Brunei Darussalam ini, Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan, Al-Wathiq Billah Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, telah bermurah hati menyediakan pelajaran perchuma, buku2 per-chuma, makan minum perchuma, belanja ke-nderaan perchuma kepada murid2 sekolah rendah

dan menengah seluroh negeri. Sa-lain dari pe-nuntut2 yang tinggal di-asrama2 maka makan minum perchuma sa-belah tengah hari juga di-berikan kepada murid2 di-luar asrama. Dengan yang demikian itu menjadi suatu ketenangan kepada ibu-bapa murid dan penuntut.

Maka dengan ada-nya sikap murah hati sa-demikian itu bukan saja ibu-bapa dan kanak2 itu sendiri mendapat ke-tenangan dalam meng-hadapi pelajaran serta pengetahuan tetapi juga semua ra'ayat yang ter-libat dalam pelajaran men-dapat faedah hidup sa-

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

hari2 dengan tenang dan tenteram.

FAEDAH MURAH HATI

Sikap murah hati dapat menyatu-padukan umat Islam dan menjauhkan penyakit hasad dengki dan sakit hati, menjauhkan samun menyamun, rampas merampas harta benda. Dan menjauhkan penyakit tiada mengakukan sa-barang ugama dan faham bertuhan, serta menjauh-kan dari faham2 ekonomi yang melampau saperti yang mengharu-birukan dunia sekarang. Sa-lain dari itu sikap murah hati akan membawa berkat serta 'afiat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

GALAKAN GURU

Sa-orang guru hendak-lah menggemarkan murid2-nya supaya beriktimad kepada diri sendiri dan berdiri di-atas kaki sendiri. Dengan galakan saperti itu murid2 akan ber-semangat dan membesar dewasa dengan tiada sangat bergantung kepada majikan2.

Ada-lah Sahabat2 Al-Muhajirin di-Medinah keluar berniaga di-pasar2. Sahabat2 dari kalangan Al-Ansar pula keluar ka-kebun bertanam dan ber-kebun. Sahabat2 yang lain pula di-suroh oleh Rasulul-lah bekerja, bertukang,

dan sa-tengah2 dari mereka di-suroh menchari kayu api bagi di-jadikan rezeki dan modal untuk lain2 tujuan dan ke-hidupan.

Begitu juga, sa-orang guru hendak-lah dalam sharahan2-nya mengajak murid2-nya ikhlas, jujur dalam segala perbuatan sa-mata2 kerana memohon keredhaan Allah serta Rasul-Nya.

Chontoh2 ikhlas dan jujur serta murah hati dalam perkara pelajaran dan sekolah ugama ini saya sebutkan bukan dengan maksud menuntut keredhaan manusia atau menchari upah dan nama. Memadai-lah di-sini saya bawakan ayat Al-Kor'an firman Allah dalam Suratul Kahfi :

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ
عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ
رَبِّهِ أَحَدًا.

Tafsir-nya : "Maka barangsiapa ada perchaya akan berjumpa dengan Tuhan-nya dengan ke-adaan baik atau berharap akan berjumpa Tuhan-nya pada hari kiamat maka hendak-lah ia membuat sa-suatu amal saleh yang di-redhai Allah. Dan jangan-lah dia bermuka2 atau minta upah daripada sa-seorang dalam amal ibadat-nya kepada Allah Ta'ala itu".

